

IQRA'

Bil. 10/2022
OKTOBER

Sembang Santai LIVE@PTAR: Bicara Al-Quran & Al-Hadith tentang Kejuruteraan
PKEJ Shah Alam - muka 6



PTAR Rembau Fest 2022
PTAR Rembau - muka 8



Lawatan kerja ketua Pustakawan ke PTAR UiTM Bandaraya Melaka
PTAR Kampus Bandaraya - muka 12



Taklimat Perpustakaan Sempena Program Penetapan Destini Siswa
PTAR Kota Bharu - muka 22



Majlis Sekalung Budi, Sejambak Kasih Sempena Persaraan Staf
Per. Cendekiawan, Dungun- muka 27

PROMOSI@PTAR



**TAKLIMAT PERPUSTAKAAN MINGGU DESTINI SISWA (MDS)
PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN
6 OKTOBER 2022**

Disediakan oleh: Abdul Azim bin Ab. Ghani

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS JASIN, MELAKA



6 Oktober 2022 – Minggu Destini Siswa (MDS) merupakan minggu yang wajib dihadiri setiap pelajar baru yang telah mendaftarkan diri sebagai pelajar UiTM. Pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin turut terlibat dalam sesi Minggu Destini Siswa (MDS) bagi menyampaikan taklimat perpustakaan. Taklimat perpustakaan ini telah disertai oleh pelajar baharu dari Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi dan Fakulti Sains Komputer dan Matematik.

Sesi tersebut telah berlangsung selama 1 jam bermula pada jam 9.30 pagi di dewan Auditorium UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Taklimat perpustakaan ini telah disampaikan oleh Encik Ahmad Nazri bin Jaafar, Pustakawan Kanan bagi menerangkan perkhidmatan digital yang disediakan oleh pihak perpustakaan. Turut dibantu oleh Encik Abdul Azim bin Ab. Ghani, Pustakawan di PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin bagi menerangkan penggunaan "Mobile Apps" yang digunapakai di UiTM bagi memudahkan pelajar UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin akses perkhidmatan perpustakaan di hujung jari.

Diucapkan Selamat Datang kepada seluruh pelajar baru UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin dan Semoga Terus Maju Jaya!





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



UiTM *di hatiku*

PTAR
"LIBRARY for ALL"



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03-5544 3731



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Komunikasi Korporat,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UITM Shah Alam.



library.uitm.edu.my